



SIARAN MEDIA

SENTUHAN KASIH 3.0: KPKT SALUR RM10.4 JUTA BAGI PEMBANGUNAN 35 PROJEK BERIMPAK TINGGI DI TAIPING

TAIPING, 9 Ogos 2025 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) meneruskan **Siri Jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Taiping, Perak** hari ini dengan **meninjau enam (6) daripada 35 projek** pembangunan infrastruktur serta kerja naik taraf untuk seluruh rakyat Taiping.

Beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak **RM10,386,597.00** yang disalurkan oleh Kerajaan MADANI melalui Program Pembangunan KPKT di bawah Rolling Plan 5 (RP5) Tahun 2025, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) yang melibatkan lima (5) Jabatan dan agensi di bawah KPKT sebagai pelaksana utama.

Perincian peruntukan dan projek yang telah diluluskan adalah seperti berikut :

- a) **Sembilan (9) projek naik taraf infrastruktur Bandar Taiping** dengan peruntukan **RM4,104,140.00** iaitu :
 - i. Projek menaik taraf Pasar Am Kamunting;
 - ii. Projek menaik taraf gerai Pusat Penjaja Jalan Stesen Kamunting;
 - iii. Cadangan menaik taraf infrastruktur longkang di Jalan Kota;
 - iv. Projek menaik taraf sistem saliran di Jalan Kamunting Lama;
 - v. Projek menaik taraf Parit Monsoon di Jalan Pakchik Ahmad dan lain-lain kerja berkaitan;
 - vi. Projek membina Arena Serbaguna;
 - vii. Projek memasang kamera litar tertutup (CCTV) kepada Majlis Perbandaran Taiping (MPT);
 - viii. Projek tebatan banjir di Taman Kamunting Maju; dan
 - ix. Projek Pencahayaan di Pasar Taiping.
- b) Pelaksanaan **Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan** di Kawasan Lapang Tanjung Sg. Mas, Taiping, Perak - **RM500,000.00**;
- c) Kerja penyelenggaraan **22 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)** di sekitar Taiping - **RM2,210,987.00**; dan

d) **24 projek** berkaitan inisiatif **pembinaan rumah baharu dan pembangunan Kampung Baru - RM 3,571,470.00**

Siri lawatan kerja dimulakan di Pasar Awam Kamunting untuk kerja naik taraf dan baik pulih, dan telah siap pada 4 Ogos 2025. YB KM turut melawat ke Medan Selera Pasar Sementara Kamunting dan Pusat Penjaja Jalan Stesen Kamunting, yang sedang dinaik taraf bermula sejak 25 Jun 2025. Kedua-dua projek ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada peniaga serta pengunjung, sekali gus memperkukuh daya tarikan ekonomi setempat.

Seterusnya, YB KM melawat tapak **Projek Tebatan Banjir di Taman Kamunting Maju**. Kawasan tersebut merupakan antara “hotspot” banjir yang sering dilanda banjir selama 30 tahun, dan akhirnya mampu diselesaikan dengan pelaksanaan projek ini yang akan memberi impak positif dengan mengurangkan risiko banjir serta meningkatkan tahap keselamatan kawasan perumahan.

Lawatan diteruskan di **Kampung Baru Aulong** di mana YB KM telah menyampaikan bantuan serta merasmikan **Pertandingan Sukan Komuniti di Arena Sukan Aulong** sebagai usaha memupuk perpaduan serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat. Atas usaha YB KM, arena sukan yang telah dinaik taraf ini telah menjadi hub bagi melahirkan atlet muda yang berbakat dan berdaya saing di penjuru dunia.

YB KM selanjutnya meneruskan lawatan ke **Laman MADANI Taman Tasik Taiping** yang menempatkan **Projek Pengindahan Air Pancut Taman Tasik sebagai mercu tanda Sambutan Ulang Tahun ke-150 Bandar Taiping**. Projek yang siap pada Disember 2024 ini dapat memperindah landskap taman dan meningkatkan daya tarikan kepada pengunjung.

YB KM juga telah meninjau **projek menaik taraf Pasar Taiping dan Pasar Siang Malam** yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM22 juta**. Projek ini telah siap dan bakal menyediakan kemudahan lebih moden dan kondusif kepada para peniaga serta orang ramai.

Lawatan diakhiri dengan **Majlis Penyerahan Mock Cheque kepada 21 RIBI di Taiping Buddhist Society** sebagai sebahagian daripada inisiatif KPKT menyokong penyelenggaraan rumah ibadat bukan islam yang memerlukan. Pendekatan inklusif ini

mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI dalam memperkasa kebajikan semua golongan masyarakat, merentas agama dan budaya.

Menurut YB KM, “KPKT akan terus komited untuk berganding bahu dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara bagi memastikan agenda pembangunan negara dapat direalisasikan secara lestari dan inklusif, demi meningkatkan kualiti perkhidmatan serta kesejahteraan rakyat. Ini selaras dengan tema Kepengerusan Malaysia-ASEAN 2025, **“Inclusivity and Sustainability”**.

Turut hadir dalam program pada hari ini adalah Ahli Parlimen Taiping merangkap Timbalan Menteri Pendidikan, YB Tuan Wong Kah Wah; Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak merangkap ADUN Aulong, YB Tuan Teh Kok Lim; ADUN Pokok Asam, YB Tuan Ong Seng Guan; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Tuan Haji Mansor bin Mohamed; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), YBrs. Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir serta pegawai-pegawai kanan KPKT dan MPT.

Siri Jelajah Sentuhan Kasih ini membuktikan iltizam KPKT dalam mendekati rakyat secara langsung serta melaksanakan projek berimpak tinggi yang mampu memperkukuh kesejahteraan komuniti bandar dan luar bandar secara menyeluruh.

#MalaysiaMADANI
#Kemampuhan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

